



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

BAGI

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-40
BADAN KEBAJIKAN ISLAM
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERHAD
(BAKI MBS)**

**LOBI WISMA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN,
18 OGOS 2023 (JUMAAT) JAM 3.00 PETANG**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera, Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

Yang Dihormati,

En. Mas Midyawan bin Yahya

Setiausaha

Majlis Bandaraya Seremban

Yang Berusaha,

TPr. Mohd Daud bin Ahmad

Yang Dipertua Badan Kebajikan Islam (BAKI)

Majlis Bandaraya Seremban

Barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit

Majlis Bandaraya Seremban

Ahli-Ahli Jawatankuasa BAKI

Majlis Bandaraya Seremban

Dan Seterusnya

Para hadirin sekalian.

Assalamualaikum dan salam sejahtera

1. Syukur Alhamdulillah, segala puji kepada Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat juga Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 Badan Kebajikan Islam Majlis Bandaraya Seremban (BAKI MBS) diadakan pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya bagi bersama-sama memeriahkan lagi mesyuarat pada petang ini dan tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua Ahli BAKI yang dapat hadir pada mesyuarat yang diadakan pada hari ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

2. Mesyuarat pada hari ini merupakan kali kedua diadakan atas nama Badan Kebajikan Islam Majlis Bandaraya Seremban (BAKI MBS) setelah pindaan perlembagaan penubuhannya telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) pada tahun 2022 merangkumi keahlian kepada semua kakitangan beragama Islam Majlis Bandaraya Seremban.
3. Program, aktiviti dan kerja-kerja kebajikan yang dijalankan oleh pihak BAKI bukan sahaja memberi manfaat dan faedah kepada ahli-ahlinya malah ianya turut memberi impak positif kepada masyarakat sekitar dan agensi kerajaan serta swasta yang terlibat. Antara program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak BAKI adalah :

- (a) Mengadakan Program Ceramah Agama setiap bulan dan ceramah sempena sambutan Maulidurasul yang diadakan setiap tahun untuk memberi pengetahuan secara mendalam mengenai keagamaan, motivasi dan hal-hal kerohanianan ;
- (b) Mengadakan Majlis Bacaan Yassin, Doa Selamat dan Tahlil untuk kesejahteraan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban serta mengadakan solat hajat bagi anak-anak ahli BAKI yang bakal menduduki peperiksaan utama ;
- (c) Mengadakan kursus-kursus keagamaan seperti Kursus Pengurusan Jenazah, Bengkel Solat, Kursus Asas Penyembelihan, Kursus Umrah dan lain-lain.

Terdapat satu ilmu yang sangat penting bagi umat Islam tetapi kebanyakkan kita menyerahkan tanggungjawab ini kepada orang lain iaitu ilmu falaq. Perkara pertama dalam Islam adalah solat. Untuk solat, kita perlu menentukan arah kiblat. Dalam Surah Al-Baqarah Ayat 142.

﴿ سَيَقُولُ الْسُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَمْ يُهُمْ عَنْ قِبْلَتِهِمْ أَلَّا كَانُوا عَلَيْهَا قُلْ لِلَّهِ
الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴾

Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata: "Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah - (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah mengadapnya, wajiblah kita mematuhiNya); Allah yang memberikan petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus".

Sehubungan dengan itu, saya meminta agar pihak BAKI dapat mengadakan kursus bagi menentukan arah kiblat dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan supaya semua ahli BAKI dapat menyebarkan ilmu ini kepada keluarga dan secara tidak langsung keperluan fardu kifayah telah diselesaikan.

- (d) Selain daripada itu, pihak BAKI juga turut mengadakan pelbagai pengisian sepanjang bulan Ramadhan seperti Program Memasak Bubur Lambuk, Program Tadarus Al-Quran, Majlis Berbuka Puasa, Solat Terawih, Derma Anak-Anak Yatim dan Majlis Khatam Al-Quran ;
- (e) Sempena perayaan Hari Raya Aidiladha pula, pihak BAKI MBS tidak ketinggalan mengadakan Program Ibadah Korban yang dilaksanakan secara gotong-royong bersama-sama dengan ahli BAKI ;
- (f) Dari segi penjagaan kesihatan pula, pihak BAKI MBS telah mengadakan Karnival Pemeriksaan Kesihatan khusus untuk ahli BAKI dan program ini turut mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan serta swasta yang telah membuka kiosk dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan pada hari tersebut.

4. Pihak BAKI MBS juga tidak ketinggalan dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya dengan menyediakan beberapa bentuk sumbangan seperti :
 - (a) Memberi sumbangan berbentuk wang tunai kepada anak-anak ahli BAKI yang telah mencapai kecemerlangan akademik dalam peperiksaan persekolahan menengah ;
 - (b) Sekiranya terdapat kematian, pihak BAKI akan menyampaikan sumbangan kematian kepada waris ahli BAKI sekiranya melibatkan kematian ahli sendiri. Selain daripada itu, pihak BAKI juga akan menyampaikan sumbangan kematian kepada suami / isteri ahli, kematian anak dan ibu / bapa ahli BAKI MBS ;
 - (c) Untuk pengetahuan para hadirin, pihak BAKI juga turut menawarkan skim bantuan pinjaman kewangan pendidikan kepada ahli-ahli BAKI tanpa dikenakan sebarang faedah bagi tujuan pendidikan anak-anak ahli BAKI MBS bermula daripada peringkat sekolah rendah sehingga Universiti. Melalui bantuan ini, saya berharap dapat meringankan beban perbelanjaan kewangan pendidikan bagi anak-anak ahli BAKI ;
 - (d) Selain daripada itu, pihak BAKI MBS juga turut memberi sumbangan hadiah secara ‘one-off’ kepada ahli BAKI MBS yang baharu berkahwin, bersara dan yang akan menuaikan haji serta umrah ;

- (e) Pihak BAKI MBS juga sentiasa prihatin dengan musibah yang menimpa ahli BAKI yang ditimpa kemalangan, penyakit dan kerosakan harta kediaman dengan menyampaikan sumbangan mengikut kemampuan pihak BAKI MBS.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

5. Peranan dan sumbangan pihak BAKI MBS berkaitan keagamaan dan kebajikan ahli BAKI MBS adalah amat besar. Peranan dan usaha yang dilaksanakan oleh semua ahli jawatankuasa BAKI MBS dalam memastikan program dan aktiviti yang dijalankan sentiasa berjalan dengan lancar amat dihargai. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Agung Tahunan BAKI MBS ke-40 pada hari ini akan membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan tahunan bagi sesi 2022-2023.

6. Akhir kata saya berharap agar pihak BAKI MBS akan mengadakan lebih banyak program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli-ahli BAKI MBS. Dengan lafaz BISMILLAH saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 Badan Kebajikan Islam Majlis Bandaraya Seremban (BAKI MBS).

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
BAKI MBS**
18 OGOS 2023